

06/05/2003

PM kembali bertugas selepas bercuti

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam kembali bertugas selepas bercuti secara rasmi selama dua bulan sejak Mac lalu.

Dr Mahathir yang tiba di pejabat di Bangunan Perdana Putra sebelum jam 8

pagi, mengadakan pelbagai perbincangan dengan pegawai kanan kerajaan termasuk dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

Dalam pertemuan itu, Abdullah memaklumkan perkembangan pelbagai isu negara selain menyerahkan draf pakej rangsangan ekonomi yang banyak diperkatakan sebelum ini.

Ketika percutian Dr Mahathir, Abdullah memangku jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Percutian rasmi Perdana Menteri itu sebahagian proses peralihan yang dipersetujui beliau sehingga melepaskan jawatan dalam kerajaan Oktober depan kepada Abdullah.

Sepanjang bercuti selama dua bulan, Dr Mahathir mengadakan lawatan rasmi ke Brazil dan mengadakan pertemuan dengan Presiden Luiz Inacio Lula da Silva selain terbabit dalam mesyuarat delegasi.

Dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Brazil itu, Perdana Menteri yang ditemani isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengunjungi syarikat pembuat pesawat Embraer dan syarikat pembuat senjata, Avibras Aeroespacial, di San Jose, dekat Sao Paulo.

Ketika di Paris minggu lalu, Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan dengan Presiden Perancis, Jacques Chirac, di Elysee Palace, Paris.

Sebelum kembali ke Malaysia Jumaat lalu, Perdana Menteri singgah di London termasuk mengadakan mesyuarat dengan anggota Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Jadual ketat Perdana Menteri sekembali ke Malaysia termasuk mempengerusikan mesyuarat Kabinet esok selain merasmikan Kompleks LNG bersepadu Petronas di Tanjung Kidurong, Bintulu, Khamis ini.

Loji terbaru MLNG3 akan menjadi kemudahan pengeluaran LNG tunggal terbesar di dunia.